

28/05/1997

Isu harga masih hangat di Langkawi

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

MEMANG menjadi amalan negara kita untuk menubuhkan jawatankuasa atau pasukan petugas khas bagi menghadapi sebarang masalah atau isu yang membabitkan kepentingan rakyat dan negara.

Walaupun kebanyakan daripada isu itu tidak perlu penubuhan jawatankuasa atau pasukan khas, kerajaan tidak mempunyai pilihan lain kecuali menubuhkannya juga bagi menangani masalah yang timbul.

Jika diimbis, beratus-ratus jawatankuasa atau pasukan petugas khas ditubuhkan bagi menangani pelbagai isu walaupun ia sebenarnya tidak diperlukan kerana membazirkan wang, masa dan tenaga saja.

Di Langkawi, antara isu atau permasalahan utama yang perlu ditangani ialah kadar harga barang dan caj perkhidmatan. Sejak diisytiharkan sebagai pulau bebas cukai pada 1987, itulah isu dan permasalahannya.

Selepas 10 tahun harga masih menjadi perbincangan utama dan ia semakin kerap diperkatakan sejak pulau legenda ini menganjurkan Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (Lima) setiap dua tahun sekali.

Sejak Lima pertama pada 1991, isu harga barangan dan caj perkhidmatan adalah topik utama. Apa tidaknya, pada tahun berkenaan ada peniaga yang mengambil kesempatan menjual roti canai sehingga RM5 sekeping di kedai tanpa pendingin udara.

Bayangkan, ia menjadi bahan muka depan akhbar dan tajuk perbincangan di peringkat menteri sehingga ke Dewan Rakyat.

Ketika Lima 1993 dan 1995, isu harga sekali lagi ditimbulkan sehingga Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang memberi perhatian khusus menjadikan Langkawi destinasi pelancongan utama berulang kali mengingatkan peniaga dan pengusaha supaya tidak menaikkan harga semata-mata untuk mengaut keuntungan dalam masa yang singkat.

Dr Mahathir terpaksa merayu kepada mereka supaya memikirkan keuntungan jangka panjang jika Langkawi terus dikunjungi pelancong dalam dan luar negara.

Malangnya, bagi sesetengah pihak, teguran dan nasihat Dr Mahathir seperti 'masuk telinga kanan dan keluar telinga kiri' saja sehingga beliau terpaksa membuat kenyataan untuk menarik balik taraf bebas cukai di Langkawi jika keadaan tidak dipulihkan.

Bagaimanapun, teguran itu langsung tidak berkesan. Buktinya ialah kerajaan sekali lagi terpaksa menubuhkan pasukan petugas khas bagi mengawasi harga barang dan caj perkhidmatan ketika Lima 97, Disember ini.

Menurut Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohamad Noor Rahim, pasukan itu akan mengadakan mesyuarat pertama Ogos ini, iaitu empat bulan sebelum pameran diadakan.

Antara lain, tanggungjawab pasukan itu ialah memastikan peniaga dan pengusaha tidak mengambil kesempatan daripada kehadiran pengunjung untuk menaikkan harga dan mengaut keuntungan.

Kata Mohamad Noor, pasukan itu ditubuhkan lebih awal bagi membolehkan ahlinya mempunyai masa mencukupi bagi menyusun strategi.

Sebenarnya jika semua pihak, termasuk peniaga dan pengusaha bersikap prihatin serta tidak tamak, pasukan berkenaan tidak perlu ditubuhkan.

Dan jika mereka menghayati saranan serta teguran Dr Mahathir dengan mengambil kira keuntungan masa depan, isu harga barangan dan caj perkhidmatan di Langkawi tidak timbul.

Kita sepatutnya lebih peka terhadap faedah dan pulangan yang bakal dinikmati pada masa depan apabila Langkawi menjadi destinasi utama

pelancong dalam dan luar negara.

Apabila keadaan itu wujud, kita tidak perlu lagi menunggu pengunjung bermusim yang hadir apabila ada pesta atau pameran dan ketika musim cuti saja. Bagi mencapai realiti ini, kita perlu patuhi satu syarat, iaitu jangan tamak dan tidak menaikkan harga sesuka hati.

(END)